

UMINO

J.M. -

JANGAN

6 JUL 1979

TERPE

Ⓟ

RANGKAP

DATUK Sri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan hari ini bahawa UMNO tidak harus terperangkap dengan usaha kumpulan-kumpulan dakwah songsang yang didorong oleh nafsu untuk memperalatkan Islam.

"Kita harus ingat bahawa kita tidak lari dari asas Islam dalam perjuangan kita. Jauh lebih awal dari parti lain dan kumpulan lain kita telah berikrar untuk melindungi Islam di Malaysia ini dan memajukannya," tegasnya.

Berucap merasmikan serentak Perhimpunan Agung Pemuda dan Wanita UMNO di Dewan Bahasa dan Pustaka di sini, Timbalan Perdana Menteri yang juga Timbalan Presiden UMNO telah menyentuh perkara-perkara berikut:

- Kegiatan sosialis komunis dan oportunist agama untuk meracuni pemikiran orang Melayu dalam usaha memecahkan perpaduan masyarakat Melayu untuk membolehkan mereka berkuasa tanpa proses demokrasi.

Proses demokrasi

- Menyesali terdapatnya antara ahli UMNO yang menerima bulat-bulat tafsiran salah oleh golongan pendakwah songsang.
- Masalah orang Islam ialah kelemahan mereka yang menyebabkan mereka kalah tiap kali berperang yang berpunca dari kurang pengetahuan, terutama selok-belok peperangan moden.

Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian bahawa masalah yang dihadapi oleh Islam dan orang Islam ialah masalah survival' masalah persaudaraan dan perpaduan, kehormatan terhadap agama dan penganutnya dan memperkembangkannya ke seluruh pelusuk dunia.

Menghuraikan lebih lanjut kegiatan dakwah songsang itu, beliau berkata kumpulan-kumpulan itu tidak puas hati dengan agama Islam kerana tidak ada paksaan dan tekanan — mereka lebih suka kepada agama yang menjadikan pemimpin agama pemilik kuasa menghukum dan menyiksa penganut seperti 'high priests' dahulu kala.

"Mereka juga lebih suka kepada agama yang mempunyai sistem clergy atau priests yang bukan saja mentafsir agama tetapi adalah lebih dekat kepada Tuhan dan menjadi orang perantara antara manusia dan Tuhan," katanya.

"Pendek kata mereka ingin menjadi dalang yang berkuasa walaupun orang lain yang memerintah. Kejadian di sebuah negara Asia Tengah di mana kerajaan diletak di bawah telunjuk kumpulan clergy yang berkuasa menghukum dan menjalankan hukum amat menarik minat kumpulan ini," tambahnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir kesal kerana ada ahli dan bahagian-bahagian UMNO membuat usul supaya UMNO juga membuat apa yang diperbuat oleh kumpulan yang menyeleweng dari ajaran agama Islam itu.

"Ada orang UMNO yang hendak kita mengutamakan pakaian sebagai ukuran keislaman. Ada yang hendak kita mengeneipkan pelajaran yang ditafsir sebagai sekular oleh oportunist agama sebagai amalan Islam," tambahnya.

Mengenai kegiatan sosialis komunis itu, Timbalan Perdana Menteri berkata matlamat mereka ialah untuk mengadakan 'general strike' seluruh negara bagi menjatuhkan kerajaan dan dengan itu para pemimpin golongan itu berharap mendapat kuasa tanpa melalui proses demokrasi.

Pihak sosialis komunis ini juga memesongkan tumpuan pelajar-pelajar Melayu dengan menghasut mereka untuk melancarkan berbagai tindakan. Akibatnya peluang belajar yang disediakan untuk mereka tercipir dan mereka tidak dapat mengatasi kemunduran diri mereka.

"Dengan ini orang Melayu akan terus ketinggalan dan ini akan membuka jalan kepada pihak komunis dan sosialis untuk memperalatkan mereka," katanya.